

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status penyediaan dokumen RFP untuk Jambatan Labuan-Sabah, difahamkan Kementerian Wilayah Persekutuan telah menyerahkannya kepada Kementerian Kerja Raya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti mana yang telah dipertegaskan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan semasa menggulung perbahasan Titah Diraja pada 05 Ogos 2020, tujuan awal Labuan menjadi sebahagian daripada Wilayah Persekutuan, bukan sahaja masih relevan tetapi perlu diberikan roh dan nafas yang baharu. Bukan lagi soal hanya integrasi nasional atau keselamatan negara atau hanya mempercepatkan tempoh pembangunan tetapi Labuan mempunyai kedudukan yang strategik dan boleh diangkat kepada satu kedudukan yang lebih tinggi sesuai dengan kedudukannya sebagai sebahagian daripada Wilayah Persekutuan.

Justeru untuk makluman Yang Berhormat Labuan, beberapa langkah sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi merealisasikan

## **SOALAN NO : 10**

hala tuju ini dengan memberikan perhatian kepada beberapa program yang bersifat *game changer* untuk memberikan nafas baharu kepada Labuan termasuklah cadangan pembinaan jambatan yang menyambung Labuan dengan Tanah Besar Kepulauan Borneo khususnya Sabah. Pembinaan jambatan ini bukan sahaja akan meningkatkan aktiviti ekonomi dan kesalinghubungan (connectivity) antara wilayah tetapi yang lebih penting lagi memperlihatkan komitmen bersungguh Kerajaan Persekutuan dalam mendepani realiti geopolitik yang berlaku di rantau ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Labuan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sedang memuktamadkan Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) untuk mendapatkan kelulusan secara prinsip daripada Jemaah Menteri bagi melaksanakan cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah secara *Public Private Partnership (PPP)* melalui proses *Request for Proposal (RFP)*.

Pihak Kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS) dalam penyediaan Terma Rujukan bagi penyediaan dokumen RFP bagi menarik syarikat-syarikat yang berminat untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang terbaik dan memberi kelebihan kepada Kerajaan dalam pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih.